

30 AUG 1998

Mahathir-Perutusan

KITA BERTANGGUNGJAWAB PELIHARA, URUSKAN NEGARA SENDIRI: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia harus menerima hakikat bahawa mereka mesti bertanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pengurusan negara.

Beliau berkata Malaysia tidak boleh mengharap sama sekali bantuan orang asing untuk memulihkan masalah ekonomi negara sekarang.

"Kita mesti berusaha sendiri untuk memulihkan ekonomi negara kita dan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita," katanya dalam perutusan Hari Kebangsaan ke-41 yang disiarkan menerusi RTM, malam ini.

Tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini ialah "Negara Kita, Tanggungjawab Kita".

Dr Mahathir berkata masalah ekonomi sekarang telah memaksa kerajaan menyemak kadar pertumbuhan kepada susutan 1 peratus atau lebih bagi tahun ini berbanding dengan perkembangan 8 peratus selama lebih 10 tahun berturut-turut sebelum ini.

Perdana Menteri berkata percubaan menghancurkan ekonomi Malaysia melalui serangan ke atas matawang dan pasaran saham serta usaha melemahkan negara oleh apa yang dikatakannya sebagai "kuasa pasaran", yang kononnya ingin mendisiplinkan kerajaan, hampir berjaya sehingga negara hampir tersungkur.

"Orang asing tidak ingin melihat Malaysia memulihkan ekonominya dengan terus menyerang matawang dan pasaran saham negara ini apabila Kerajaan mengambil tindakan bagi memulihkan ekonomi negara.

"Alhamdulillah, sehingga kini kita masih dapat mempertahankan negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia dapat bertahan kerana pembangunan negara diasaskan oleh usaha, kewangan serta sistem dan dasarnya sendiri tanpa perlu memikul beban hutang antarabangsa yang terlalu berat.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat supaya terus mengekalkan keharmonian antara kaum dan kestabilan politik negara bagi melicinkan usaha memulihkan ekonomi.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap sesiapa juga yang cuba menghasut untuk mencetuskan rusuhan kaum di negara kita.

"Desakan orang asing supaya dihapuskan undang-undang ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri)...adakah kerana mereka ingin melihat kestabilan negara kita digawatkan dengan rusuhan kaum," katanya.

Perdana Menteri juga bersyukur kerana golongan pekerja di negara ini tidak mengambil tindakan perusahaan yang boleh mengeruhkan lagi keadaan sekarang dan berharap para majikan menghargai sikap bertanggungjawab pekerja dengan menjaga kepentingan mereka.

"Di mana layanan boleh diberi, majikan hendaklah melayani tuntutan yang waras oleh pekerja," katanya.

Rakyat pula, katanya, harus memahami sebab-sebab dan bentuk tekanan daripada kegawatan ekonomi untuk membolehkan mereka bertindak dengan betul bagi mengatasinya.

Dr Mahathir berkata walaupun mereka perlu mengurangkan perbelanjaan, pengurangan itu hendaklah tidak menjejaskan perniagaan rakyat negara ini seperti perbelanjaan melancong di dalam negara, yang boleh membantu pemulihan ekonomi negara.

Bank-bank pula harus patuh kepada dasar dan arahan kerajaan walaupun ia mungkin mengurangkan sedikit keuntungan jangka pendek mereka.

"Tujuan kerajaan adalah tidak lain daripada memulihkan ekonomi dan menebus semula maruah bangsa dan negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia berkemungkinan besar dapat memulihkan semula ekonominya jika rancangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), yang menyediakan garis panduan lengkap untuk menggerakkan semua bidang secara teratur, dapat dilaksanakan.

Perdana Menteri turut meminta rakyat negara ini supaya bekerjasama dan memberi sokongan penuh bagi menjayakan Sukan Komanwel ke-16 yang akan berlangsung di negara ini mulai 11 hingga 21 Sept ini.

"Walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi, kita yakin dapat menguruskan acara sukan ini dengan jayanya.

"Kejayaan Sukan Komanwel ini akan menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk menganjurkan acara-acara besar bertaraf antarabangsa," kata beliau.

-- BERNAMA

AFY NAK